

17 SEP 1996

Anwar-Penyakit (Bergambar)

PEKERJA ASING SAH TURUT BAWA MASUK PENYAKIT BERJANGKIT, KATA ANWAR

KAJANG, 17 Sept (Bernama) -- Kerajaan memandang berat soal kemasukan penyakit berjangkit yang dibawa pekerja asing yang bekerja di negara ini kerana yang masuk secara sah juga turut terbabit, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Peraturan sekarang sememangnya ada tetapi kita kena teliti soal kemasukan pekerja asing dan kalau boleh, kita kurangkan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan projek 520 apartmen kos rendah milik Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB) di Kajang Utama di sini, hari ini.

Menurut Anwar, kemasukan pekerja asing adalah mengikut peraturan dan syarat yang ketat, namun demikian beliau menerima banyak aduan bahawa syarat-syarat itu tidak dipatuhi dan berlaku penyelewengan.

Beliau sudah melaporkan perkara itu kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Kabinet serta berharap Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri akan mengambil tindakan sewajarnya untuk memastikan kepincangan itu segera diperbetulkan, katanya.

Anwar berkata: "Padahal setiap pekerja asing yang memasuki negara ini diwajibkan menjalani pemeriksaan khas doktor terlebih dahulu, tapi kalau dibuat sambil lewa tanpa satu pengawasan teliti sudah pasti ia akan menimbulkan masalah."

Timbalan Perdana Menteri berkata, syarat setiap pekerja asing yang masuk ke negara ini lulus ujian kesihatan mesti dikuatkuasakan "tetapi masalahnya dengan orang kita kerana peraturan yang sedia ada tidak dikuatkuasa secara berkesan atas sebab-sebab tertentu."

Oleh demikian, kata beliau, pasukan petugas berkaitan perlu bertindak segera memperbetulkan perkara ini dan mereka perlu memaklumkan kepada Kabinet untuk pertimbangan sekiranya menghadapi masalah kekurangan tenaga untuk mengendalikan segala urusan.

"Yang masuk secara sah pun menimbulkan masalah, sebab itu saya katakan dulu kita benarkan syarikat-syarikat besar ambil sendiri tenaga kerja asing ini dan mereka dipertanggungjawabkan jika ada pekerja asing membawa masuk penyakit-penyakit berjangkit," katanya.

"Tetapi masih ada sungutan bahawa ada orang tertentu yang menggunakan kemudahan ini dan pekerja-pekerja asing itu dibawa masuk melalui ejen-ejen dengan mengenakan bayaran tertentu meskipun saya sudah laporkan perkara ini kepada Kabinet yang melarangnya dengan mengeluarkan arahan agar ia diperbetulkan," katanya.

Sementara itu, menjawab soalan mengenai kemungkinan dua calon Ketua Pemuda UMNO tidak dapat bertanding dalam pemilihan parti bulan depan, Anwar yang juga Timbalan Presiden dan pengerusi Jawatankuasa Disiplin berkata, perkara itu baru sahaja timbul berikutan bantahan yang dikemukakan dan ia akan dibincang selepas mesyuarat mingguan Kabinet esok.

Terdahulu dalam ucapannya, Anwar berkata Malaysia berpotensi besar untuk dijadikan sebagai model yang mana penduduk desa dan bandar sama-sama mempunyai tempat dalam masyarakat dan rakyat miskin juga dibela daripada segi penyediaan tempat tinggal yang bersesuaian.

Keunikan ini, katanya, boleh dijayakan bersama oleh pemaju besar dan kecil dengan menunjukkan satu budaya korporat yang sihat dan tidak hanya semata-mata berlumba-lumba dengan sikap tamak haloba sambil memikirkan keuntungan besar.

"Saya tidak sanggup melihat masalah perumahan rakyat ini berterusan dan pihak swasta hendaklah meneruskan tanggungjawab mereka terhadap masyarakat

kerana soal ketiadaan tanah tidak boleh dijadikan alasan lagi," katanya.

"Saya tahu saya sering ditegur kerana terlalu sangat membangkitkan soal rumah kos rendah untuk rakyat khususnya Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) hingga ada golongan yang menganggap saya cuba menghidupkan fahaman sosialisme," katanya.

Beliau berkata tidak ada gunanya nasib golongan rakyat miskin di negara ini dipinggirkan dan tidak terbela terutamanya daripada segi perumahan sedangkan di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur dan lain-lain tempat di Selangor bilangan banglo bercambah.

Anwar yakin dengan penglibatan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dengan dana yang besar, Bank Negara dan Petronas, sebahagian daripada masalah perumahan awam dapat ditangani dengan baik.

Beliau berterima kasih kepada Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib yang memberi perhatian khusus dan menyeluruh kepada penyediaan projek rumah awam di samping pengawasan lebih teliti di peringkat pusat di bawah Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Dr Ting Chew Peh.

Beliau juga menghargai sikap beberapa pemaju besar yang menulis dan melaporkan sendiri kepadanya bagi menyatakan kesanggupan mereka untuk membangunkan lebih banyak projek rumah kos rendah untuk rakyat, katanya.

"Bagaimanapun saya harap pemaju-pemaju besar ini akan lebih serius dalam tanggungjawab mereka dan dengan demikian sebahagian besar masalah tidak perlu ditampung oleh kerajaan saja," katanya.

Pada upacara itu pengerusi MRCB Datuk Khalid Haji Ahmad menyampaikan cek sumbangan RM20,000 kepada Anwar yang kemudian diserahkan kepada pengerusi Rukun Tetangga Kajang Utama Encik Abu Bakar Alias. -- BERNAMA

ZAB PR